

BAHAGIAN II**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI****Perkara Utama****Apa yang diaudit?**

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Kurangan keseluruhan Kerajaan negeri pada tahun 2021 menurun daripada RM175.86 juta pada tahun 2020 kepada RM87.28 juta.
- Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 ialah RM497.58 juta, iaitu meningkat sebanyak RM140.50 juta atau 39.3% berbanding RM357.08 juta pada tahun 2020.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM52.68 juta. Kutipan hasil pada tahun 2021 berjumlah RM688.04 juta, iaitu meningkat sebanyak RM127.38 juta atau 22.7% berbanding RM560.66 juta pada tahun 2020.
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri secara keseluruhannya berjumlah RM635.36 juta, iaitu meningkat sebanyak RM20.29 juta atau 3.3% berbanding RM615.07 juta pada tahun 2020.
- Pada tahun 2021, sejumlah RM139.96 juta telah dibelanjakan bagi projek pembangunan di bawah RMKe-12 iaitu sebanyak 50.1% daripada RM279.50 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 1,922 projek yang dirancang, sebanyak 1,858 projek telah disiapkan sepenuhnya, 49 projek sedang dilaksanakan, sembilan projek belum dimulakan dan enam projek telah dibatalkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 menurun sebanyak RM21.92 juta atau 10.1% kepada RM194.65 juta berbanding RM216.57 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut juga menurun sebanyak RM2.35 juta atau 2.9% kepada RM79.53 juta berbanding RM81.88 juta pada tahun 2020.
- Baki Hutang Awam pada akhir tahun 2021 ialah RM1.924 bilion, iaitu menurun sebanyak RM738.40 juta atau 27.7% berbanding RM2.662 bilion pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri juga menurun sebanyak RM260.10 juta atau 19.5% kepada RM1.076 bilion berbanding RM1.336 bilion pada tahun 2020.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:
 - meneroka hasil-hasil baharu daripada hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan agar pendapatan Kerajaan negeri dapat dipertingkatkan dan seterusnya menambahbaik prestasi Akaun Hasil Disatukan;
 - mempertingkatkan usaha untuk memungut semua tunggakan hasil bagi mengurangkan ABT;
 - menyediakan anggaran belanjawan yang lebih realistik dengan mengambil kira semua program/aktiviti yang dirancang;
 - mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Kedah;
 - mengawal perbelanjaan di bawah AP 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan/perkhidmatan diterima dan tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa; dan
 - memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi supaya pengurusan kewangan Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

PRESTASI KEWANGAN	FAKTA UTAMA	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL 2021 – RM688.04 juta 2020 – RM560.66 juta	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN 2021 – (RM490.02 juta) 2020 – (RM542.70 juta)	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT 2021 – RM194.65 juta 2020 – RM216.57 juta
↑ BELANJA 2021 – RM635.36 juta 2020 – RM615.07 juta	↔ AKAUN PINJAMAN DISATUKAN 2021 - RM0 2020 - RM0	↔ PELABURAN 2021 – RM26.00 juta 2020 – RM26.00 juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN 2021 – RM987.60 juta 2020 – RM899.78 juta	↓ HUTANG AWAM 2021 – RM1.924 bilion 2020 – RM2.662 bilion

1. LATAR BELAKANG

Selain mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan serta kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2021, kutipan hasil Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM127.38 juta atau 22.7% iaitu berjumlah RM688.04 juta berbanding RM560.66 juta pada tahun 2020. Bagaimanapun, jumlah kutipan hasil ini tidak dapat menampung jumlah perbelanjaan tahun 2021 iaitu perbelanjaan mengurus berjumlah RM635.36 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM139.96 juta. Jumlah perbelanjaan mengurus adalah termasuk pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM65.49 juta. Kurangan hasil ini dibiayai oleh Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM0.54 juta, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan berjumlah RM66.98 juta serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah berjumlah RM19.76 juta. Kedudukan prestasi kewangan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	688.04	560.66	127.38	22.7
Tolak:				
Perbelanjaan Mengurus (Selpas Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan)	635.36	615.07	20.29	3.3
Perbelanjaan Pembangunan	139.96	121.45	18.51	15.2
KURANGAN KESELURUHAN	(87.28)	(175.86)	88.58	(50.4)
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	0.54	0.49	0.05	10.2
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	66.98	71.24	(4.26)	(6.0)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	19.76	104.13	(84.37)	(81.0)
JUMLAH PEMBIAYAAN	87.28	175.86	(88.58)	(50.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

3.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah stabil. Perkara ini antaranya disebabkan peningkatan kutipan hasil yang menyebabkan kurangan keseluruhan Kerajaan negeri pada tahun 2021 menurun daripada RM175.86 juta pada tahun 2020 kepada RM87.28 juta.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM497.58 juta. Jumlah ini terdiri daripada baki terkumpul daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah ini adalah dalam bentuk Wang Tunai berjumlah RM266.69 juta dan Pelaburan berjumlah RM230.89 juta. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM140.50 juta atau 39.3%, iaitu daripada RM357.08 juta pada tahun 2020 kepada RM497.58 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM87.82 juta atau 9.8%. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(490.02)	(542.70)	52.68	(9.7)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	987.60	899.78	87.82	9.8
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	317.73	303.71	14.02	4.6
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	(1,017.71)	(1,017.71)	0.00	0
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	113.96	114.23	(0.27)	(0.2)
	iii) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	15.02	0.00	15.02	100.0
	iv) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,206.46	1,207.19	(0.73)	(0.1)
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	235.41	188.46	46.95	24.9
	c) Akaun Deposit	434.46	407.61	26.85	6.6
KUMPULAN WANG DISATUKAN		497.58	357.08	140.50	39.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima tahun menunjukkan trend peningkatan kecuali tahun 2018 mencatatkan penurunan. Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2021 mencatatkan baki yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(593.26)	(642.64)	(488.28)	(542.70)	(490.02)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	747.18	717.21	808.76	899.78	987.60
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	200.20	243.88	224.98	303.71	317.73
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	(1,030.61)	(1,013.12)	(1,014.90)	(1,017.71)	(1,017.71)
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	113.40	130.19	104.09	114.23	113.96
	iii) Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	0	0	0	0	15.02
	iv) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,117.41	1,126.81	1,135.79	1,207.19	1,206.46
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	238.95	134.51	174.52	188.46	235.41
	c) Akaun Deposit	308.03	338.82	409.26	407.61	434.45
	KUMPULAN WANG DISATUKAN	153.92	74.57	320.48	357.08	497.58

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
TREND KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai dalam akaun semasa dan Deposit Dalam Negeri adalah simpanan tetap yang disimpan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Wang Tunai Dalam Bank	266.34	166.11	100.23	60.3
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.17	0.00	0.17	100.0
Wang Tunai Dalam Tangan	0.18	0.08	0.10	125.0
JUMLAH	266.69	166.19	100.50	60.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

5.1.2. Analisis Audit mendapati baki Wang Tunai menunjukkan peningkatan sebanyak RM100.50 juta atau 60.5%, iaitu daripada RM166.19 juta pada tahun 2020 kepada RM266.69 juta pada tahun 2021. Baki Wang Tunai pada tahun 2021 terdiri daripada baki Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM266.34 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM0.17 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM0.18 juta. Peningkatan baki Wang Tunai antaranya disumbangkan oleh peningkatan simpanan tetap jangka pendek sebanyak RM100 juta atau 66.7% dan peningkatan baki wang tunai dalam akaun semasa sebanyak RM0.23 juta atau 1.4%.

5.1.3. Baki Wang Tunai pada tahun 2021 terkurang nyata berjumlah RM171,667.82 disebabkan oleh penyata pemungut dibatalkan tidak diganti berjumlah RM107,516.82, pungutan tidak diperakaunkan berjumlah RM58,611 dan pungutan tidak diperakaunkan sebagai Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM5,540.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 22 Jun dan 12 Julai 2022

Perkara tersebut berlaku antaranya disebabkan oleh masalah teknikal dalam Sistem Pengurusan Kutipan Hasil (SUKHAT). Kerajaan negeri akan mengguna pakai Sistem Kutipan Hasil Bersepadu (iHASIL) bagi menggantikan SUKHAT mulai 18 Julai 2022. Hasil cukai dan bukan cukai yang terkurang nyata berjumlah RM171,667.82 telah diperakaunkan pada tahun kewangan 2022 sebagai terimaan hasil tahun lalu.

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Perenggan 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], Kerajaan negeri dibenarkan untuk melabur dalam mana-mana bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan negeri hanya terdiri daripada Pelaburan Am. Pelaburan Am adalah pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri.

5.2.2. Baki pelaburan Kerajaan negeri pada tahun 2021 berjumlah RM230.89 juta, iaitu meningkat sebanyak RM40 juta atau 21% berbanding RM190.89 juta pada tahun 2020. Jumlah Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Saham berjumlah RM16.59 juta dan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM214.30 juta. Deposit Dalam Negeri terdiri daripada Simpanan Tetap Jangka Panjang berjumlah RM164.30 juta dan pelaburan dalam Unit Amanah Saham berjumlah RM50 juta. Peningkatan Pelaburan pada tahun 2021 disumbangkan oleh pertambahan Simpanan Tetap Jangka Panjang dan Unit Amanah Saham masing-masing berjumlah RM20 juta. Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a) Saham	16.59	16.59	0.00	0
i) Kedah Islamic Asset Management Berhad	4.72	4.72	0.00	0
ii) Malaysia Airports Holdings Berhad	9.35	9.35	0.00	0
iii) Petronas Dagangan Berhad	2.52	2.52	0.00	0
b) Deposit Dalam Negeri	214.30	174.30	40.00	22.9
JUMLAH	230.89	190.89	40.00	21.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

5.2.3. Perenggan 6.2.5, Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) 6 menyatakan Deposit Dalam Negeri merupakan pegangan dalam deposit atau simpanan tetap di institusi kewangan dalam negeri. Subperenggan 8(3)(b)(iv) Akta 61 menyatakan wang dalam kedudukan kredit bagi sebuah negeri dengan mana-mana bank atau selainnya dipegang oleh Negeri, boleh dilaburkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan negeri tertakluk kepada kuasa undang-undang negeri atau suatu resolusi Badan Perundangan dalam mana-mana aku janji selepas berunding dengan pihak Perbendaharaan. Pihak Audit mendapati **pelaburan Unit Amanah Saham berjumlah RM50 juta adalah bertentangan dengan Perenggan 6.2.5, PPK 6 dan Subperenggan 8(3)(b)(iv), Akta 61**. Pelaburan ini dibuat melalui kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Negeri Kedah tetapi belum mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia.

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 12 Julai dan 24 Julai 2022

Keputusan mengenai pelaburan dalam Unit Amanah Saham dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan Negeri Kedah yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri (PKN). Jawatankuasa Pelaburan diberi kuasa bagi melakukan pelaburan daripada wang awam negeri dalam mana-mana bank atau institusi kewangan yang tertakluk kepada kuasa yang diberikan mengikut Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui surat Yang Amat Berhormat (YAB) Menteri Besar Kedah bertarikh 17 Mei 2020. Permohonan kelulusan pelaburan Unit Amanah Saham telah dikemukakan oleh Yang Berhormat (YB) Dato' PKN kepada Perbendaharaan Malaysia melalui surat dengan No. Rujukan (31) dlm.P.Kw.N(K)1559 Jld.2 bertarikh 17 Julai 2022.

5.2.4. Analisis Audit mendapati jumlah dividen saham diterima menurun sebanyak RM0.17 juta atau 13.4% berbanding RM1.27 juta pada tahun 2020. Penurunan dividen berlaku kerana tiada dividen diterima daripada saham Malaysia Airports Holdings Berhad pada tahun 2021. Faedah daripada Deposit Dalam Negeri juga menunjukkan penurunan sebanyak RM2 juta atau 35.7% berbanding RM5.60 juta pada tahun 2020 disebabkan penurunan kadar faedah. Pendapatan daripada pelaburan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENDAPATAN DARIPADA PELABURAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PELABURAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Saham	1.10	1.27	(0.17)	(13.4)
2.	Deposit Dalam Negeri	3.60	5.60	(2.00)	(35.7)
JUMLAH		4.70	6.87	(2.17)	31.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

5.2.5. Dividen daripada pelaburan Unit Amanah Saham diperoleh melalui dua kaedah iaitu secara tunai dan dividen dilaburkan semula sebagai tambahan unit amanah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapat **dividen yang dilaburkan semula berjumlah RM0.54 juta tidak diperakaunkan sebagai hasil dan tambahan pelaburan dalam tahun 2021. Selain itu, pembelian unit amanah berjumlah RM12,855.33 melalui rebat daripada pengurangan kadar caj perkhidmatan juga tidak diperakaunkan. Perkara ini menyebabkan pelaburan dan hasil pada tahun 2021 terkurang nyata masing-masing berjumlah RM0.56 juta dan RM0.54 juta.**

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 23 Jun dan 30 Jun 2022

Dividen daripada pelaburan Unit Amanah Saham berjumlah RM0.56 juta dan tambahan pelaburan berjumlah RM12,855.33 akan diperakaunkan pada tahun kewangan 2022. Perbincangan akan dibuat dengan Pengurus Portfolio berkaitan kaedah pembayaran dividen bagi membolehkan PKPK memperakaunkan dividen yang dilaburkan semula sebagai tambahan pelaburan. Penambahbaikan akan dibuat terhadap Prosedur Operasi Standard berkaitan pelaburan.

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan lebihan semasa berjumlah RM52.68 juta berbanding kurangan berjumlah RM54.42 juta pada tahun 2020. Lebihan semasa berlaku disebabkan peningkatan kutipan hasil tahun semasa sebanyak RM127.38 juta atau 22.7% pada tahun 2020. Lebihan semasa ini telah menyebabkan baki

kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun daripada RM542.70 juta pada tahun 2020 kepada RM490.02 juta pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 7**.


JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
	Baki Pada 1 Januari	(542.70)	(488.28)	(54.42)	(11.1)
	Hasil	688.04	560.66	127.38	22.7
1.	Hasil Cukai	289.21	244.10	45.11	18.5
2.	Hasil Bukan Cukai	247.40	139.77	107.63	77.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	151.43	176.79	(25.36)	(14.3)
	Perbelanjaan	569.87	569.68	0.19	0.03
1.	Emolumen	229.44	224.43	5.01	2.2
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	126.30	127.95	(1.65)	(1.3)
3.	Aset	10.01	19.11	(9.10)	(47.6)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	197.20	190.76	6.44	3.4
5.	Perbelanjaan Lain	6.92	7.43	(0.51)	(6.9)
	Lebihan/(Kurangan) Hasil Semasa	118.17	(9.02)	127.19	1,410.1
	Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan	65.49	45.40	20.09	44.3
	Lebihan/(Kurangan) Semasa	52.68	(54.42)	107.10	196.8
	BAKI PADA 31 DISEMBER	(490.02)	(542.70)	52.68	9.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

6.3. Analisis perbandingan bagi tempoh lima tahun mendapati baki kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend menurun kecuali tahun 2018 dan 2020 seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN
 PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 hingga 2021

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai adalah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula adalah terdiri daripada pelbagai pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan syarikat berkaitan kerajaan. Pada tahun 2021, kutipan hasil sebenar ialah berjumlah RM688.04 juta iaitu 95.6% berbanding anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM720 juta seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2021 BERBANDING
 ANGGARAN HASIL YANG DILULUSKAN**

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	KUTIPAN HASIL (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	314.38	289.21	92.0
2.	Hasil Bukan Cukai	245.89	247.40	100.6
3.	Terimaan Bukan Hasil	159.73	151.43	94.8
JUMLAH		720.00	688.04	95.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

6.4.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip meningkat sebanyak RM127.38 juta atau 22.7% iaitu daripada RM560.66 juta pada tahun 2020 kepada RM688.04 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disumbang oleh peningkatan Hasil Cukai sebanyak

RM45.11 juta atau 18.5% dan Hasil Bukan Cukai sebanyak RM107.63 juta atau 77% berbanding tahun 2020. Peningkatan ketara Hasil Cukai adalah daripada peningkatan hasil Lain-lain Levi manakala bagi Hasil Bukan Cukai adalah daripada peningkatan hasil Premium Tanah. Kutipan Hasil pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.


JADUAL 9
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	289.21	244.10	45.11	18.5
2.	Hasil Bukan Cukai	247.40	139.77	107.63	77.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	151.43	176.79	(25.36)	(14.3)
JUMLAH		688.04	560.66	127.38	22.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

6.4.3. Prestasi kutipan hasil Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 menunjukkan trend peningkatan dan penurunan. Hasil tahun 2019 mencatatkan kutipan yang tertinggi dalam tempoh lima tahun seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 hingga 2021

6.4.4. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Cukai Tanah, Premium Tanah, Lain-lain Levi, Pemberian Bayaran Bagi Membaiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan di Bawah Senarai Bersama dan Caruman Untuk Pembayaran Pinjaman. Hasil tersebut menyumbang sebanyak RM469.29 juta atau 68.2% daripada keseluruhan hasil yang berjumlah RM688.04 juta pada tahun 2021. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021		2020	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	173.04	25.2	175.91	31.4
2.	Premium Tanah	156.96	22.8	45.51	8.1
3.	Lain-Lain Levi	63.54	9.2	37.51	6.7
4.	Pemberian Bayaran Bagi Membaiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) Bagi Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	39.03	5.7	31.74	5.7
5.	Caruman Untuk Pembayaran Pinjaman	36.72	5.3	30.36	5.4
JUMLAH		469.29	68.2	321.03	57.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

6.4.5. Analisis Audit mendapati sebanyak 61 butiran hasil mengalami peningkatan sebanyak RM201.09 juta, 75 butiran hasil mengalami penurunan sebanyak RM73.70 juta dan dua butiran hasil tidak berubah. Justifikasi bagi lima butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **Jadual 12**.

JADUAL 11
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Premium Tanah	Hasil Bukan Cukai	156.96	45.51	111.45	244.9	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran daripada pihak Pesuruhjaya Tanah Persekutuan berjumlah RM69.76 juta untuk sebahagian Lot 3,812, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim. Bayaran premium tanah untuk projek pembangunan bercampur di Langkawi berjumlah RM25 juta. Pelarasan daripada Akaun Deposit Premium Tanah berjumlah RM21.62 juta berkaitan projek penanaman getah di kawasan Pantai Molek, Sik Kedah.

BIL.	BUTIRAN HASIL	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
					(RM Juta)	(%)	
2.	Lain-Lain Levi	Hasl Cukai	63.54	14.43	49.11	340.4	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran levi bagi menukar ganti (<i>swapping</i>) Tanah Simpanan Melayu bagi projek Kedah Rubber City (KRC) berjumlah RM40.78 juta dan pembayaran levi <i>swapping</i> Tanah Simpanan Melayu bagi tapak sedia ada Hotel Pelangi Beach Resort, Langkawi berjumlah RM15.89 juta yang diterima.
3.	Caruman untuk Pembayaran Pinjaman	Terimaan Bukan Hasil	36.72	31.74	4.98	15.7	<ul style="list-style-type: none"> Terimaan caruman daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tujuan bayaran balik Hutang Awam.
4.	Tunggakan Cukai Tanah	Hasl Cukai	22.09	18.91	3.18	16.8	<ul style="list-style-type: none"> Pembayaran Tunggakan Cukai Tanah berjumlah RM3.74 juta oleh sebuah syarikat pemaju selepas Notis Tuntutan Tunggakan (Notis 6a) dikeluarkan pada Januari 2021 oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda. <i>Taskforce</i> khas dengan melibatkan pihak berkepentingan seperti pihak bank dan pemegang kaveat dijalankan terhadap syarikat yang mempunyai tunggakan yang tinggi pada tahun 2021 menyebabkan tunggakan Cukai Tanah dapat dikutip.
5.	Pelbagai Hasil Tahun Lalu	Terimaan Bukan Hasil	4.39	1.24	3.15	254.0	<ul style="list-style-type: none"> Pelbagai hasil tahun lalu berjumlah RM1.35 juta diperakaunkan dalam tahun 2021. Hasil tahun 2020 yang diterima secara dalam talian (online) oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah berjumlah RM0.71 juta diperakaunkan dalam tahun 2021. Hasil tahun 2020 yang diterima melalui Sistem Bayaran Secara Online (iBAYAQ) oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kulim berjumlah RM0.54 juta diperakaunkan pada tahun 2021.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

JADUAL 12 JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian dan Caruman Yang Lain	Terimaan Bukan Hasil	0.00	30.00	(30.00)	(100.0)	<ul style="list-style-type: none"> Tiada terimaan hasil di bawah Pemberian dan Caruman Yang Lain. Manakala Pemberian Khas berjumlah RM10 juta yang diakaunkan di bawah Pemberian dan Caruman Yang Lain pada tahun 2020 telah diakaunkan berasingan pada tahun 2021 iaitu di bawah Dana Khas/Pemberian Khas.
2.	Pemberian Pertambahan Hasil	Terimaan Bukan Hasil	0.00	7.86	(7.86)	(100.0)	<ul style="list-style-type: none"> Tiada pemberian pertambahan hasil diterima daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021.
3.	Terimaan Daripada Anak Syarikat	Terimaan Bukan Hasil	2.00	6.70	(4.70)	(70.1)	<ul style="list-style-type: none"> Hasil pada tahun 2020 adalah meliputi hasil tahun 2019 berjumlah RM3.70 juta yang diterima pada tahun 2020. Selain itu, berlaku penurunan

BIL.	BUTIRAN	JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
							sumbangan daripada anak syarikat pada tahun 2021.
4.	Premium Perhutanan	Hasil Bukan Cukai	15.65	20.29	(4.64)	(22.9)	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan tersebut adalah disebabkan tiada/kurang pembayaran dibuat oleh syarikat akibat pandemik Coronavirus Disease (Covid-19).
5.	Cukai Tanah	Hasil Cukai	173.04	175.91	(2.87)	(1.6)	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan kutipan Cukai Tanah berlaku kerana kekangan kewangan oleh syarikat/individu disebabkan penutupan penuh sektor ekonomi dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan iaitu Peruntukan Diraja, Speaker Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Hutang Kerajaan dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah. Perbelanjaan Bekalan pula adalah perbelanjaan bagi membiayai aktiviti harian jabatan negeri.

6.5.2. Pada tahun 2021, anggaran peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan oleh DUN berjumlah RM798.89 juta, iaitu meningkat sebanyak RM39.40 juta atau 5.2% berbanding RM759.49 juta pada tahun 2020. Kedudukan peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
ANGGARAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN PERUNTUKAN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	266.76	262.73	4.03	1.5
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	172.80	171.19	1.61	1.0
3.	Aset	14.77	21.39	(6.62)	(31.0)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	333.79	291.82	41.97	14.4
5.	Perbelanjaan Lain	10.77	12.36	(1.59)	12.9
JUMLAH		798.89	759.49	39.40	5.2

Sumber: Buku Bajet Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020 dan 2021

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.5.3. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM635.36 juta iaitu 79.5% daripada anggaran peruntukan yang diluluskan berjumlah RM798.89 juta. Prestasi perbelanjaan mengurus berbanding peruntukan yang diluluskan pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS
BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2021

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	266.76	229.44	86.0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	172.80	126.30	73.1
3.	Aset	14.77	10.01	67.8
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	333.79	262.69	78.7
5.	Perbelanjaan Lain	10.77	6.92	64.3
JUMLAH		798.89	635.36	79.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.5.4. Secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM20.29 juta atau 3.3% kepada RM635.36 juta berbanding RM615.07 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	229.44	224.43	5.01	2.2
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	126.30	127.95	(1.65)	(1.3)
3.	Aset	10.01	19.11	(9.10)	(47.6)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	262.69	236.15	26.54	11.2
5.	Perbelanjaan Lain	6.92	7.43	(0.51)	(6.9)
JUMLAH		635.36	615.07	20.29	3.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

Nota: (*) - Termasuk Pindahan Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

6.5.5. Analisis Audit mendapati perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Emolumen mencatatkan peningkatan pada tahun 2021 iaitu masing-masing sebanyak RM26.54 juta (11.2%) dan RM5.01 juta (2.2%) berbanding tahun 2020. Bagaimanapun, perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan, Aset dan Perbelanjaan Lain masing-masing menurun sebanyak RM1.65 juta (1.3%), RM9.10 juta (47.6%) dan RM0.51 juta (6.9%) berbanding tahun 2020. Justifikasi bagi perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 16** dan **Jadual 17**.

JADUAL 16
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN YANG KETARA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PERUBAHAN
				(RM Juta)	(%)	
PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP						
1.	Pemberian Dalam Negeri	191.84	177.07	14.77	8.3	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pelarasan pindahan dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM65.49 juta pada tahun 2021 berbanding RM45.40 juta pada tahun 2020. Peningkatan pemberian sumbangan bantuan individu dan keluarga di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat berjumlah RM6.08 juta berbanding RM3.04 juta pada tahun 2020. Peningkatan pemberian sumbangan skim bantuan penjagaan orang kelainan upaya (OKU) dan pesakit kronik terlantar berjumlah RM1.25 juta pada tahun 2021.
2.	Kos Kewangan	45.96	39.51	6.45	16.3	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan bayaran balik Pinjaman Hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM45.96 juta.
3.	Pencen	18.81	12.86	5.95	46.3	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan bayaran tunggakan pencen Anggota Pentadbiran dan Dewan Undangan Negeri sejumlah RM4.88 juta kepada RM5.63 juta pada tahun 2021 berbanding RM0.75 juta pada tahun 2020.
EMOLUMEN						
4.	Gaji dan Upahan	145.44	141.51	3.93	2.8	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan bayaran pelarasan gaji Kakitangan Awam sebanyak RM3.79 juta iaitu daripada RM135.99 juta pada tahun 2020 kepada RM139.77 juta pada tahun 2021. Peningkatan bayaran gaji bagi lantikan Kakitangan Awam baharu sebanyak RM29.91 juta iaitu daripada RM0.17 juta pada tahun 2020 kepada RM0.20 juta pada tahun 2021. Peningkatan bayaran pencen Kakitangan Awam sebanyak RM0.04 juta kepada RM0.17 juta berbanding RM0.13 juta pada tahun 2020.
5.	Elaun Lebih Masa	5.09	4.57	0.52	11.4	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan tuntutan elauan lebih masa sebanyak RM0.60 juta kepada RM5.09 juta berbanding RM4.49 juta pada tahun 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

JADUAL 17
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN YANG KETARA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021	2020	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PERUBAHAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN						
1.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	4.69	6.42	(1.73)	(26.9)	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan perbelanjaan tuntutan perjalanan bagi Kakitangan Awam semasa menjalankan urusan kerajaan yang melibatkan: a) Penginapan berjumlah RM0.99 juta berbanding RM1.34 juta pada tahun 2020. b) Elaun Perjalanan, Bayaran Tambang Bas dan Teksi berjumlah RM2.14 juta berbanding RM2.78 juta pada tahun 2020.
2.	Perhubungan dan Utiliti	17.13	17.79	(0.66)	(3.7)	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan perbelanjaan bagi bayaran bil elektrik pelbagai jabatan sebanyak RM1.30 juta kepada RM11.58 juta berbanding RM12.88 juta pada tahun 2020.
3.	Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	33.24	33.73	(0.49)	(1.5)	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan perbelanjaan pelbagai jabatan bagi penyenggaraan bangunan termasuk kawasan sekitar, lif dan alat keselamatan sebanyak RM1.55 juta kepada RM0.78 juta pada tahun 2021 berbanding RM2.33 juta pada tahun 2020.
ASET						
4.	Kenderaan dan Jentera	1.15	7.02	(5.87)	(83.6)	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan perbelanjaan pembelian kenderaan bagi kegunaan jabatan sebanyak RM5.69 juta kepada RM1.11 juta pada tahun 2021 berbanding RM6.80 juta pada tahun 2020.
5.	Pinjaman	1.20	5.00	(3.80)	(76.0)	<ul style="list-style-type: none"> Pinjaman diberikan oleh Kerajaan negeri kepada PKB Hotel pada tahun 2021 berjumlah RM1.20 juta berbanding pinjaman kepada Permodalan Kedah Berhad berjumlah RM5 juta pada tahun 2020.
PERBELANJAAN LAIN						
6.	Pulangan Balik Hasil	2.30	2.86	(0.56)	(19.6)	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan perbelanjaan bagi pemulangan balik hasil lain-lain pada tahun 2021 sebanyak RM0.10 juta kepada RM2.23 juta berbanding RM2.33 juta pada tahun 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

6.5.6. Pada tahun 2021, analisis Audit mendapati Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM5.10 juta melalui peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat selaras dengan pelaksanaan PKP semasa pandemik Covid-19. Antara perbelanjaan yang dibuat adalah program bantuan bakul makanan kepada penduduk yang terlibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan bantuan makanan bermasak kepada petugas di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) masing-masing berjumlah RM4.91 juta dan RM0.19 juta.

6.5.7. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat mendapat kelulusan Bendahari Negeri. Jabatan hendaklah mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Sekiranya Bendahari Negeri mendapati sebab kelewatan diragui atau tiada baki peruntukan, kelulusan Pegawai Kewangan Negeri perlu diperoleh.
- b. Analisis Audit terhadap perbelanjaan di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 mendapati perbelanjaan tersebut meningkat sebanyak RM0.43 juta atau 19.8% berbanding tahun 2020. Pada tahun 2021, sejumlah RM2.60 juta telah dibelanjakan di bawah AP 58(a) bagi perbelanjaan tahun terdahulu yang melibatkan 824 Arahan Pembayaran di 25 pejabat/jabatan berbanding RM2.17 juta bagi 944 Arahan Pembayaran di 27 pejabat/jabatan pada tahun 2020. Pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021		2020		PERUBAHAN	
		(RM Juta)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	(RM Juta)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	2.06	508	1.47	319	0.59	40.1
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	0.29	60	0.03	45	0.26	866.7
3.	Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Sultan	0.07	40	0.09	136	(0.02)	(22.2)
4.	Jabatan Perhutanan	0.03	21	0.04	20	(0.01)	(25.0)
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.02	5	0.05	22	(0.03)	(60.0)
6.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	0.02	23	0.01	9	0.01	100.0
7.	Jabatan Kerja Raya	0.02	8	0.05	51	(0.03)	(60.0)
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda	0.02	4	0.01	20	0.01	100.0

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2021		2020		PERUBAHAN	
		(RM Juta)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	(RM Juta)	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	(RM Juta)	(%)
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	0.01	14	0.06	42	(0.05)	(83.3)
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar	0.01	22	0.01	23	0.00	0
11.	Lain-lain jabatan/pejabat (2021: 15 PTJ; 2020: 17 PTJ)	0.05	119	0.35	257	(0.3)	(85.7)
JUMLAH		2.60	824	2.17	944	0.43	19.8

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2021

- c. Analisis Audit mendapati empat pejabat/jabatan mencatatkan peningkatan ketara bagi pembayaran AP 58(a) pada tahun 2021 iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda.
- d. Analisis selanjutnya menunjukkan trend pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 seperti dalam **Carta 4**.



Sumber: Rekod Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2021

- e. Analisis Audit terhadap lima penyumbang tertinggi kepada pembayaran di bawah AP 58(a) adalah melibatkan tuntutan bil rawatan sakit, bayaran perhubungan dan utiliti, sewaan, penyelenggaraan dan pemberian kecil serta perkhidmatan iktisas dan lain-lain perkhidmatan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PENYUMBANG UTAMA PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN PTJ	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran Bil Rawatan Perubatan	1	0.89
2.	Perhubungan dan Utiliti	11	0.73
3.	Sewaan	3	0.32
4.	Penyelengaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	3	0.20
5.	Perkhidmatan Iktisas dan Lain-Lain Perkhidmatan Yang Dibeli	13	0.14
JUMLAH			2.28

Sumber: Senarai Arahan Pembayaran di Bawah AP 58(a) Tahun 2021

- f. Analisis Audit selanjutnya mendapati 23 Arahan Pembayaran melibatkan tujuh pejabat/jabatan berjumlah RM326,718.28 telah dibayar melalui AP 58(a) pada tahun 2021 bagi bil-bil tahun 2014 hingga 2019 seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
BIL-BIL TAHUN SEBELUM TAHUN 2020 DIBAYAR MELALUI AP 58(a) TAHUN 2021

BIL.	PEJABAT/ JABATAN	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR	PERIHAL BAYARAN	TAHUN BIL/INVOIS	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	21AHBB0400184 15.03.2021	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	13.08.2019	114.00
		21AHBB0400948 05.08.2021	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	15.12.2019	1,110.00
		21AHBB0401387 26.10.2021	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	23.12.2019	5.00
		21AHBB0401394 26.10.2021	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	26.12.2019	1,886.00
		21AHBB0401413 28.10.2021	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	14.10.2018	1,363.00
		21AHBB0401640 24.11.2021	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	01.12.2018	1,491.00
		21AHBB0401800 07.12.2021	Bayaran Kos Rawatan Perubatan	02.11.2019	3.00
		21AGBB0402661 28.11.2021	Bayaran Sewaan Lot Urban Transformation Centre (UTC) No.2-1	01.07.2018	243,921.44
		21AGBB0402683 29.11.2021	Bayaran Sewaan Lot UTC No.4-5	01.05.2018	53,188.21
		21AMBB0400379 12.12.2021	Bayaran Tiket Penerangan	20.11.2017	15,502.69
		21AMBB0400395 16.12.2021	Bayaran Penginapan Hotel	15.10.2019	570.00
2.	Jabatan Kerja Raya	21CIBB0400645 30.11.2021	Bayaran Tunggakan Bil Telefon	01.12.2019	369.94
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	21DNBB0400664 17.11.2021	Bayaran Sewaan Mesin Penapis Air	11.12.2019	2,125.00
4.	Jabatan Perhutanan	21FUBB0400134 04.04.2021	Bayaran Bil Utiliti	28.07.2015	456.00
5.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	21FXBB0400171 17.03.2021	Bayaran Bil Pemeriksaan Kesihatan	23.12.2019	1,758.00
6.		21GVBB0400612 16.11.2021	Bayaran Sewaan dan Bacaan Meter Mesin Fotostat	31.05.2014	453.67

BIL.	PEJABAT/ JABATAN	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR	PERIHAL BAYARAN	TAHUN BIL/INVOIS	JUMLAH (RM)
	Pejabat Daerah dan Tanah Kulim	21GVBB0400613 16.11.2021	Bayaran Sewaan Mesin Fotostat	31.12.2014	250.00
		21GVBB0400614 16.11.2021	Bayaran Sewaan Mesin Fotostat	31.12.2014	550.00
		21GVBB0400615 16.11.2021	Bayaran Bacaan Meter Mesin Fotostat	31.08.2014	739.48
		21GVBB0400616 16.11.2021	Bayaran Sewaan dan Bacaan Meter Mesin Fotostat	31.08.2014	273.55
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Baling	21GXBB0400045 09.02.2021	Bayaran Warta Kerajaan	09.12.2019	127.20
		21GXBB0400053 11.02.2021	Bayaran Warta Kerajaan	22.12.2019	79.50
		21GXBB0400054 11.02.2021	Bayaran Warta Kerajaan	22.12.2019	381.60
JUMLAH					326,718.28

Sumber: Arahan Pembayaran di Bawah AP 58(a) Tahun 2021

g. Perenggan 4.5 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bilangan 7 Tahun 2020 berkaitan Peraturan Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2020 menyatakan bahawa bayaran bagi perbelanjaan mengurus tahun kewangan 2020 yang tidak dapat disempurnakan hendaklah dijelaskan pada tahun kewangan 2021, di bawah Kebenaran Khas AP 58(a) sebelum atau pada 28 Februari 2021. Pihak Audit mendapati sebanyak 403 arahan pembayaran berjumlah RM1.04 juta melibatkan 21 pejabat/jabatan telah dibuat bayaran di bawah AP 58(a) bagi bil-bil tahun 2020 selepas 28 Februari 2021 seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PEMBAYARAN DIBAWAH AP 58(a) DIBAYAR SELEPAS BULAN FEBRUARI 2021

BIL.	JABATAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Pejabat KDYMM Tuanku Sultan	14	21,381.92
2.	Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan	1	247.24
3.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	1	816.79
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	272	880,298.66
5.	Jabatan Kerja Raya	5	11,951.70
6.	Jabatan Pertanian	4	2,118.00
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5	23,702.07
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran	29	47,141.47
9.	PLANMalaysia@Kedah	5	2,642.40
10.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	2	4,208.00
11.	Jabatan Mufti	5	2,107.06
12.	Jabatan Perhutanan	6	15,375.26
13.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	5	10,974.30
14.	Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu	2	1,254.96
15.	Pejabat Daerah dan Tanah Yan	13	1,759.05

BIL.	JABATAN	BILANGAN ARAHAN PEMBAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
16.	Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap	6	2,358.36
17.	Pejabat Daerah dan Tanah Pendang	3	706.89
18.	Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	1	360.26
19.	Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar	12	4,585.29
20.	Pejabat Daerah dan Tanah Kulim	8	1,374.50
21.	Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu	4	3,537.70
JUMLAH		403	1,038,901.88

Sumber: Arahan Pembayaran di Bawah AP 58(a) Tahun 2021

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 30 Jun dan 24 Julai 2022

Perkara ini berlaku antaranya disebabkan bil/tuntutan lewat diterima, permohonan lewat dikemukakan dan kelewatan kelulusan di peringkat PKPK. Surat arahan berkaitan pengurusan bayaran AP 58(a) telah dikeluarkan dengan mengarahkan semua Ketua Jabatan menyemak bil-bil yang belum dibuat bayaran bagi mengelakkan bayaran di bawah AP 58(a). PKPK juga dalam proses untuk membuat *interim closing* penyata kewangan bagi memastikan bil-bil bulan Januari hingga September dapat diselesaikan dalam tahun semasa.

- h. Analisis Audit mendapati sehingga 30 April 2022, sebanyak 41 arahan pembayaran di 12 jabatan/pejabat yang berjumlah RM48,962.11 telah dibayar di bawah AP 58(a) bagi bil tuntutan tahun 2021 dan tahun-tahun sebelumnya.

6.5.8. Bayaran di Bawah Arahan Perpendaharaan 59

Mengikut Arahan Perpendaharaan (AP) 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barang atau perkhidmatan kepada kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sehingga siasatan selesai. Pada tahun 2021, tiada pembayaran yang dibuat di bawah AP 59.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran yang berkaitan serta pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

7.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah menerima pinjaman bagi projek menaik taraf Loji Rawatan Air Pelubang berjumlah RM0.54 juta. Keseluruhan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2021. Kedudukan terimaan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KEDUDUKAN TERIMAAN DAN PINDAHAN
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0
Terimaan	0.54	0.50	0.04	8.0
Pindahan	0.54	0.50	0.04	8.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 berjumlah RM987.60 juta, iaitu meningkat sebanyak RM87.82 juta atau 9.8% berbanding RM899.78 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020


BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	317.73	303.71	14.02	4.6
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	235.41	188.46	46.95	24.9
3.	Akaun Deposit	434.46	407.61	26.85	6.6
JUMLAH		987.60	899.78	87.82	9.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8.1. Peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Disatukan pada tahun 2021 disumbangkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM46.95 juta, peningkatan Akaun Deposit sebanyak RM26.85 juta dan peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM14.02 juta.

8.2. Analisis Audit terhadap kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 hingga 2021. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 hingga 2021

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan wang amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh DUN. Kumpulan wang amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada tahun 2021 baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM317.73 juta, iaitu meningkat sebanyak RM14.02 juta atau 4.6% berbanding RM303.71 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(1,017.71)	(1,017.71)	0.00	0
2.	Kumpulan Wang Bekalan Air	113.96	114.23	(0.27)	(0.2)
3.	Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	15.02	0.00	15.02	100.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,206.46	1,207.19	(0.73)	(0.1)
JUMLAH		317.73	303.71	14.02	4.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 [*Akta 70*] dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan, Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada Agensi Negeri dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Terdapat juga sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II. Pada akhir tahun 2021, baki Kumpulan Wang Pembangunan mencatatkan kurangan terkumpul berjumlah RM1.018 bilion, iaitu tidak berubah berbanding tahun 2020 seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(1,017.71)	(1,014.90)	(2.81)	0.3
Terimaan				
Pindahan Daripada Akaun Hasil Disatukan	65.49	45.40	20.09	44.3
Terimaan Balik Pinjaman	23.12	21.27	1.85	8.7
Pemberian TAHAP	39.81	30.24	9.57	31.6
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II	0.00	16.18	(16.18)	(100.0)
Sewa Rumah Awam Kos Rendah	4.04	3.56	0.48	13.5
Jumlah Terimaan	132.46	116.64	15.82	13.6
Jumlah Bayaran	132.46	119.45	13.01	10.9
Lebihan/(Kurangan)	0.00	(2.81)	2.81	100.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	(1,017.71)	(1,017.71)	0.00	0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- b. Pada tahun 2021, terimaan Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM132.46 juta, iaitu meningkat sebanyak RM15.82 juta atau 13.6% berbanding RM116.64 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan jumlah Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM20.09 juta, Terimaan Bayaran Balik Pinjaman sebanyak RM1.85 juta, Pemberian TAHAP sebanyak RM9.57 juta dan Sewa Rumah Awam Kos Rendah sebanyak RM0.48 juta.
- c. Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM132.46 juta pada tahun 2021 bagi membayai projek pembangunan berbanding RM119.45 juta pada tahun 2020. Pejabat/Jabatan yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi antaranya Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERBELANJAAN		PERUBAHAN	
		2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	23.84	32.53	(8.69)	(26.7)
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	44.17	43.55	0.62	1.4
3.	Jabatan Kerja Raya	30.98	22.21	8.78	39.5
4.	Jabatan Pertanian	6.48	5.69	0.79	13.9
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.51	1.92	3.59	187.0
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	14.34	7.86	6.48	82.4
7.	PLANMalaysia@Kedah	0.49	0.00	0.49	100.0
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	3.74	0.00	3.74	100.0
9.	Jabatan Perhutanan	0.00	5.69	(5.69)	(100.0)
10.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	2.91	0.00	2.91	100.0
JUMLAH		132.46	119.45	13.01	10.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- d. Secara keseluruhannya, Kerajaan negeri hanya membelanjakan sejumlah RM132.46 juta atau 65.9% daripada RM200.99 juta peruntukan yang diluluskan pada tahun 2021. Analisis Audit mendapati Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan serta JKR mencatatkan prestasi perbelanjaan yang rendah iaitu masing-masing sebanyak 59.6% dan 57.6% daripada peruntukan yang diluluskan. Perkara tersebut berlaku antaranya disebabkan terdapat projek yang masih dalam peringkat pelaksanaan, projek yang masih belum dimulakan dan terdapat juga projek batal. Prestasi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 berbanding peruntukan diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
TAHUN 2021 BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	40.00	23.84	59.6
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	71.00	44.17	62.2
3.	Jabatan Kerja Raya	53.75	30.98	57.6
4.	Jabatan Pertanian	6.74	6.48	96.1
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.00	5.51	91.8
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	15.00	14.34	95.6
7.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	3.00	2.91	97.0
8.	PLANMalaysia@Kedah	0.50	0.49	98.0
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	5.00	3.74	74.8
JUMLAH		200.99	132.46	65.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8.3.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Subseksyen 3(1), Akta Kumpulan Wang Bekalan Air [*Akta 230*]. Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan pengurusan bekalan air, pembayaran balik pinjaman dan perbelanjaan pembangunan bekalan air sama ada bayaran secara langsung atau secara pinjaman. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Pada akhir tahun 2021, baki Kumpulan Wang Bekalan Air ialah berjumlah RM113.96 juta, iaitu menurun sebanyak RM0.27 juta atau 0.2% berbanding RM114.23 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	114.23	104.09	10.14	9.7
Terimaan				
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	0.54	0.49	0.05	10.2
Pemberian/Imbuhan Balik Bekalan Air Luar Bandar	0.26	0.00	0.26	100.0
Hasil Bekalan Air Daripada SADA	0.00	11.64	(11.64)	(100.0)
Jumlah Terimaan	0.80	12.13	(11.33)	(93.4)
Bayaran	1.07	1.99	(0.92)	(46.2)
Lebihan/ (Kurangan)	(0.27)	10.14	(10.41)	(102.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	113.96	114.23	(0.27)	(0.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- b. Pada tahun 2021, terimaan Kumpulan Wang Bekalan Air ialah berjumlah RM0.80 juta, iaitu menurun sebanyak RM11.33 juta atau 93.4% berbanding RM12.13 juta pada tahun 2020. Penurunan yang ketara adalah disebabkan oleh tiada terimaan hasil bekalan air pada tahun 2021. Terimaan hasil bekalan air pada tahun 2020 adalah disebabkan pelarasan kontra sebanyak RM11.64 juta antara Akaun Deposit Bekalan Air dan Akaun Tuggakan Hasil Air Jabatan Bekalan Air (JBA) oleh Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.
- c. Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM1.07 juta pada tahun 2021 bagi membiayai projek-projek berkaitan bekalan air di seluruh negeri Kedah. Jumlah perbelanjaan menurun sebanyak RM0.93 juta berbanding RM2 juta pada tahun 2020. Butiran perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti **Jadual 29**.

JADUAL 29
PERBELANJAAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
BAGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PROJEK	PERBELANJAAN		PERBEZAAN	
		2021 (RM)	2020 (RM)	(RM)	(%)
1.	Bekalan Air Pokok Sena	261,824.74	139,696.91	122,127.83	87.4
2.	Menaik taraf Loji Pembersihan Air Kulim Hi-Tech	8,031.77	1,235,751.25	(1,227,719.48)	(99.4)
3.	Kajian Bekalan Air Langkawi	0.00	224,107.89	(224,107.89)	(100.0)
4.	Bekalan Air Pelubang	543,200.00	50,171.91	493,028.09	982.7
5.	Menambah Keupayaan Loji Rawatan Air Jenun Baru	79,080.73	24,479.61	54,601.12	223.0
6.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Selambau	52,106.62	196,931.88	(144,825.26)	(73.5)
7.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Limau	0.00	124,386.98	(124,386.98)	(100.0)
8.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Lubuk Buntar Lama	121,163.05	0.00	121,163.05	0
9.	Menaik taraf Sistem Pengepaman Padang Mat Sirat Langkawi	0.00	0.00	0.0	0
JUMLAH		1,065,406.91	1,995,526.43	(930,119.52)	(46.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- d. Secara keseluruhannya, Kerajaan negeri hanya membelanjakan sejumlah RM1.07 juta atau 1.5% daripada peruntukan yang diluluskan pada tahun 2021 berjumlah RM71.91 juta. Perbelanjaan yang rendah adalah disebabkan projek dimulakan pada pertengahan tahun dan belum ada tuntutan dibuat dalam tahun 2021. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air berbanding peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
PRESTASI PERBELANJAAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA TAHUN 2021 BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
1.	Bekalan Air Pokok Sena	443,503.12	261,824.74	59.0
2.	Menaik taraf Loji Pembersihan Air Kulim Hi-Tech	164,172.10	8,031.77	4.9
3.	Kajian Bekalan Air Langkawi	1,500,000.00	0.00	0
4.	Bekalan Air Pelubang	30,000,000.00	543,200.00	1.8
5.	Menambah Keupayaan Loji Rawatan Air Jenun Baru	12,000,000.00	79,080.73	0.7
6.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Bukit Selambau	11,000,000.00	52,106.62	0.5
7.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Limau	7,000,000.00	0.00	0
8.	Menaik taraf Loji Rawatan Air Lubuk Buntar Lama	4,000,000.00	121,163.05	3.0
9.	Menaik taraf Sistem Pengepaman Padang Mat Sirat Langkawi	5,800,000.00	0.00	0
JUMLAH		71,907,675.22	1,065,406.91	1.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8.3.3. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH)

- a. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] dan Subseksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957, bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Sumber kewangan bagi KWPH adalah daripada hasil ses kayu balak dan peruntukan Kerajaan negeri. KWPH pada mulanya ditubuhkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam. Pada tahun 2021, KWPH diwujudkan di bawah Kumpulan Wang Kerajaan selaras dengan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 7 Oktober 2020 mengenai pindaan akaun di bawah Seksyen 9 kepada Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957.
- b. Pada 29 Disember 2021, baki awal berjumlah RM17.77 juta dan terimaan tahun semasa berjumlah RM3.68 juta telah dipindahkan daripada Kumpulan Wang Amanah Awam ke kumpulan wang ini. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM6.43 juta iaitu sebanyak 97.4% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM6.60 juta. Kedudukan baki KWPH pada akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31

KEDUDUKAN BAKI KWPH PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0
Terimaan	*21.45	0.00	21.45	100.0
Bayaran	6.43	0.00	6.43	100.0
Lebihan	15.02	0.00	15.02	100.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	15.02	0.00	15.02	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

Nota: (*) - Pindahan daripada Kumpulan Wang Amanah Awam

8.3.4. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan di Bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas

- a. Tahun 2021 merupakan tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Bagi menjayakan RMKe-12, Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM279.50 juta pada tahun 2021 yang melibatkan 10 pejabat/jabatan. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri menerima dua peruntukan perbelanjaan iaitu di bawah projek pembangunan dan bekalan air. Perbelanjaan bagi projek pembangunan, projek bekalan air dan projek pembangunan hutan pada tahun 2021 berjumlah RM139.96 juta iaitu 50.1% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe-12

BIL.	JABATAN / PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN SEMASA	PERUNTUKAN DILULUSKAN	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PROJEK PEMBANGUNAN					
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	917	40.00	23.84	59.6
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	5	71.00	44.17	62.2
3.	Jabatan Kerja Raya	157	53.75	30.98	57.6
4.	Jabatan Pertanian	478	6.74	6.48	96.1
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	56	6.00	5.51	91.8
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	107	15.00	14.34	95.6
7.	PLANMalaysia@Kedah	20	0.50	0.49	98.0
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	66	5.00	3.74	74.8
9.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	3	3.00	2.91	97.0
PROJEK BEKALAN AIR					
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	9	71.91	1.07	1.5
PROJEK PEMBANGUNAN HUTAN					
11.	Jabatan Perhutanan	104	6.60	6.43	97.4
JUMLAH		1,922	279.50	139.96	50.1

Sumber: Buku Bajet dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- b. Pada tahun 2021, sebanyak 1,922 projek telah dirancang bagi 10 jabatan. Sebanyak 1,858 projek telah siap dilaksanakan, 49 projek sedang dilaksanakan, sembilan projek belum dimulakan dan enam projek telah dibatalkan. Status pelaksanaan projek setakat 31 Disember 2021 adalah seperti dalam **Jadual 33** dan **Carta 6**.


JADUAL 33
STATUS PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK			
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA	BATAL
PEMBANGUNAN						
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	917	878	38	-	1
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	5	4	1	-	-
3.	Jabatan Kerja Raya	157	150	2	5	-
4.	Jabatan Pertanian	478	478	-	-	-
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	56	53	-	2	1
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	107	106	1	-	-
7.	PLANMalaysia@Kedah	20	20	-	-	-
8.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	66	62	1	2	1
9.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	3	2	-	-	1

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK	STATUS PELAKSANAAN PROJEK			
			SIAP	SEDANG DILAKXSANAKAN	BELUM MULA	BATAL
BEKALAN AIR						
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	9	3	6	-	-
PEMBANGUNAN HUTAN						
11.	Jabatan Perhutanan	104	102	-	-	2
JUMLAH		1,922	1,858	49	9	6

Sumber: Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan Yang Terlibat

CARTA 6
PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2021



Sumber: Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan Yang Terlibat

- c. Sehingga akhir tahun 2021, sembilan projek pembangunan melibatkan kos berjumlah RM76.99 juta bagi tiga jabatan masih belum dimulakan. Jabatan yang terlibat adalah Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
JUSTIFIKASI PROJEK PEMBANGUNAN BELUM MULA PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI
1.	Jabatan Kerja Raya	Membina Baharu Jalan dan Jambatan	5	75.73	<ul style="list-style-type: none"> Tuntutan kerugian dan perbelanjaan tambahan akibat lanjutan masa masih dalam semakan dan tindakan Bahagian Ukur Bahan. Masih dalam peringkat penyediaan reka bentuk dan pelan pengambilan tanah Seksyen 4. Projek masih dalam peringkat Lembaga Perolehan Tender.

BIL.	JABATAN/PEJABAT	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	JUSTIFIKASI
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Program Pengeluaran Baka dan Benih	2	0.46	<ul style="list-style-type: none"> Belum mula kerana peruntukan yang tidak mencukupi.
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	Membina Baharu Tadika Islam	1	0.30	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan tidak mencukupi kerana peningkatan harga bahan binaan dan kekangan masa.
		Menaiktaraf/Baik pulih Bangunan Pejabat Agama Daerah	1	0.50	<ul style="list-style-type: none"> JKR menolak untuk melaksanakan projek ini berikutan situasi penularan Covid-19.
JUMLAH			9	76.99	

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2021 dan Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan Yang Terlibat

- d. Selain itu, terdapat enam projek pembangunan melibatkan kos projek berjumlah RM7.80 juta di bawah seliaan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan; Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian serta Jabatan Perhutanan telah dibatalkan. Senarai projek yang dibatalkan adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
SENARAI PROJEK YANG DIBATALKAN TAHUN 2021

BIL.	JABATAN	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BATAL
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	Membina Baharu Bangunan Kuarters	1	7.00	<ul style="list-style-type: none"> Projek yang dirancang di Bandar Baharu ditangguhkan kerana lokasi yang tidak bersesuaian dan memerlukan kos yang tinggi.
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Program Pengukuhan Populasi Pembiak	1	0.10	<ul style="list-style-type: none"> Tawaran sebut harga membekal ternakan kambing <i>Boer</i> kepada pembekal pertama terbatil kerana pembekal menarik diri dan gagal menyempurnakan bekalan sehingga tamat tempoh pelanjutan (kenaikan harga baka ternakan). Tawaran kepada pembekal kedua juga gagal disempurnakan kerana ternakan yang bakal dibekalkan tidak memenuhi spesifikasi kerana positif penyakit Foot and Mouth Disease (FMD).
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	Membina/Menaik Taraf Pusat Penyembelihan Bersepadu Daerah	1	0.20	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan asal telah dipindahkan ke projek Menaiktaraf/Baik Pulih Masjid dan Surau.
4.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PPTG)	Pembangunan Geographic Information System (GIS)	1	0.20	<ul style="list-style-type: none"> Projek Pembangunan Sistem tidak dapat dilaksanakan kerana PPTG Kedah telah mempunyai Sistem e-Charting yang merupakan sebahagian daripada Sistem GIS.

BIL.	JABATAN	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BATAL
5.	Jabatan Perhutanan	Rancangan Pengurusan Hutan Lipur	1	0.10	<ul style="list-style-type: none"> Peruntukan dipindahkan ke Kod Projek 02001 (Pembangunan Hutan Lipur) kerana terdapat keperluan mendesak bagi menaiktaraf hutan lipur memandangkan peruntukan bagi kod 02001 telah ditangguhkan pada tahun 2021.
		Membina Bangunan Balai Pemeriksaan Hutan	1	0.20	<ul style="list-style-type: none"> Lokasi yang dicadangkan belum mendapat kelulusan bagi kerja-kerja pembinaan laluan masuk ke balai pemeriksaan hutan. Peruntukan dipindahkan Ke Kod Projek 06001 (Menaiktaraf kuarters kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri)
JUMLAH			6	7.80	

Sumber: Pengesahan Status Projek Daripada Jabatan Yang Terlibat

8.3.5. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2021, baki kumpulan wang ini mencatatkan penurunan sebanyak RM0.73 juta (0.1%) kepada RM1.206 bilion berbanding RM1.207 bilion pada tahun 2020. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PERIHAL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	59.30	91.15	(31.85)	(34.9)
2.	Akaun Perniagaan	1.33	1.31	0.02	1.5
3.	Akaun Pinjaman	3.49	3.47	0.02	0.6
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	1,142.34	1,111.26	31.08	2.8
JUMLAH		1,206.46	1,207.19	(0.73)	(0.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- b. Penurunan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah disebabkan oleh penurunan baki Akaun Penyelesaian sebanyak RM31.85 juta atau 34.9% berbanding RM91.15 juta pada tahun 2020. Penurunan ketara bagi Akaun Penyelesaian adalah seperti berikut:

i. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

Baki Akaun Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM58 juta, iaitu menurun sebanyak RM29 juta berbanding RM87 juta pada tahun 2020. Penurunan tersebut adalah disebabkan pembayaran balik yang dibuat secara kontra dengan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri iaitu:

- Pemberian 10% kos perkhidmatan atas pelaksanaan pembangunan Persekutuan berjumlah RM10 juta;
- Pemberian mengikut kiraan kepala (capitation grant) berjumlah RM15 juta; dan
- Pemberian TAHAP berjumlah RM4 juta.

ii. Akaun Penyelesaian Cek Terbatal

Baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal pada akhir tahun 2021 berbaki sifar berbanding RM1.60 juta pada tahun 2020. Penurunan ini berlaku disebabkan pelarasan sejumlah RM0.79 juta ke Akaun Deposit Cek Terbatal dan pelarasan sejumlah RM0.81 juta bagi cek terbatal yang melebihi tempoh enam tahun ke Akaun Hasil.

iii. Akaun Pembatalan *Electronic Fund Transfer (EFT)*

Baki Akaun Pembatalan EFT pada akhir tahun 2021 ialah sifar berbanding RM1.20 juta pada tahun 2020. Penurunan berlaku disebabkan pelarasan sejumlah RM0.95 juta ke Akaun Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal dan pelarasan sejumlah RM0.25 juta bagi EFT terbatal yang melebihi tempoh enam tahun ke Akaun Hasil.

c. Pelbagai Kumpulan Wang

Pelbagai Kumpulan Wang merupakan penyumbang tertinggi baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan iaitu berjumlah RM1.142 bilion pada tahun 2021. Jumlah ini meningkat sebanyak RM31.08 juta berbanding RM1.111 bilion pada tahun 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah dan pindahan enam akaun di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam yang diluluskan oleh MMK pada 7 Oktober 2020.

i. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah ditubuhkan untuk memperakaunkan peruntukan geran pemberian Kerajaan Persekutuan. Pemberian geran ini adalah bagi membiayai penyenggaraan jalan raya negeri yang dilaksanakan oleh JKR, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).
- Pada akhir tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah berjumlah RM1.105 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM13.61 juta atau 1.2% berbanding RM1.091 bilion pada tahun 2020. Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 berjumlah RM258.87 juta manakala perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan negeri ialah berjumlah RM245.26 juta. Prestasi perbelanjaan bagi kumpulan wang ini ialah 94.7% berbanding jumlah terimaan pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,091.26	1,018.51	72.75	7.1
Terimaan	258.87	259.64	(0.77)	(0.3)
Bayaran	245.26	186.89	58.37	31.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,104.87	1,091.26	13.61	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), panjang jalan raya negeri pada akhir tahun 2021 ialah 15,457.01 kilometer, iaitu meningkat sebanyak 746.33 kilometer berbanding 14,710.68 kilometer pada tahun 2020.
- Prestasi perbelanjaan berbanding terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah antara 72% hingga 94.7% seperti dalam **Jadual 38 dan Carta 7**.


JADUAL 38
PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING TERIMAAN
DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PRESTASI (%)
2017	905.88	382.11	352.36	935.63	92.2
2018	935.63	543.55	501.28	977.90	92.2
2019	977.90	255.00	214.39	1,018.51	84.1
2020	1,018.51	259.64	186.89	1,091.26	72.0
2021	1,091.26	258.87	245.26	1,104.87	94.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 hingga 2021

Nota: Terimaan dan perbelanjaan tahun 2017 dan 2018 termasuk transaksi bukan tunai di Penyata Sistem Perakaunan Berkomputer Standad Kerajaan Negeri (SPEKS)/Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS)

CARTA 7
PRESTASI PERBELANJAAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- Baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah berjumlah RM1.105 bilion merupakan baki terkumpul bagi peruntukan yang tidak digunakan sejak kumpulan wang ini ditubuhkan. Bagaimanapun analisis Audit selanjutnya mendapati **baki kumpulan wang ini tidak setara jika dibandingkan dengan baki Wang Tunai dan Pelaburan berjumlah RM497.58 juta pada akhir tahun 2021.**

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 12 Julai 2022

Baki akaun Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Kedah adalah baki terkumpul sejak ianya mula ditubuhkan. Sebelum tahun 2014, tiada syarat ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia kepada Kerajaan negeri supaya membelanjakan sekurang-kurangnya 85% daripada peruntukan yang diterima. Sejak tahun 2014, Kerajaan negeri telah melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Majlis Kewangan Negara iaitu perbelanjaan penyelenggaraan jalan raya negeri hendaklah melepas 85% daripada peruntukan yang diterima. Perkara ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Hasil Negeri Kedah dan telah diputuskan supaya kajian dibuat bagi menyelesaikan isu ini.

ii. Pindahan Akaun Amanah Awam ke Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada tahun 2021, enam akaun amanah baharu diwujudkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 selaras dengan kelulusan MMK pada 7 Oktober 2020 bagi pindaan akaun amanah awam di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sejumlah RM17.47 juta baki bagi enam akaun amanah awam tersebut telah dipindahkan ke akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
SENARAI AKAUN AMANAH AWAM DIPINDAHKAN
KE KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2021

BIL.	NAMA KUMPULAN WANG AMANAH	JUMLAH PINDAHAN BAKI (RM)
1.	Kumpulan Wang Amanah Sumbangan Pembangunan dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman	4,673,788.95
2.	Kumpulan Wang Amanah Dana Khas Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman	39,190.20
3.	Kumpulan Wang Amanah Lembaga Rayuan Negeri Kedah Darul Aman	71,968.52
4.	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Islam Negeri Kedah Darul Aman	4,017,490.77
5.	Kumpulan Wang Amanah Badan Kesenian Negeri Kedah Darul Aman	6,492.86
6.	Kumpulan Wang Amanah Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman	8,658,103.37
JUMLAH		17,467,034.67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

d. Penutupan Akaun Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada tahun 2021, terdapat satu akaun amanah tidak aktif yang berbaki sifar sejak tahun 2019 iaitu Akaun Amanah Pilihan Raya Umum Ke-14 telah ditutup.

8.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri dan tidak boleh terlebih dikeluarkan. Pada akhir tahun 2021, baki Kumpulan Wang Amanah Awam ialah berjumlah RM235.41 juta, iaitu meningkat sebanyak RM46.95 juta atau 24.9% berbanding RM188.46 juta pada tahun 2020. Jumlah ini terdiri daripada 32 akaun melibatkan sepuluh pejabat/jabatan. Penyumbang utama peningkatan kumpulan wang ini adalah daripada peningkatan Akaun Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebanyak RM72.64 juta dan Akaun Amanah Peruntukan Khas Pembangunan Negeri Kedah Darul Aman sebanyak RM15.13 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Awam mengikut jabatan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING TAHUN 2020

BIL.	PEJABAT/JABATAN	BILANGAN AKAUN AMANAH	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	18	204.11	112.35	91.76	81.7
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	7	21.84	44.31	(22.47)	(50.7)
3.	Jabatan Perhutanan	0	0.00	17.77	(17.77)	(100.0)
4.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	2	4.98	6.03	(1.05)	(17.4)
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	1	0.93	4.31	(3.38)	(78.4)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	1	0.47	0.47	0.00	0
7.	Pejabat KDYMM Tuanku Sultan	1	0.19	0.20	(0.01)	(5.0)
8.	Jabatan Kehakiman Syariah	1	0.19	0.21	(0.02)	(9.5)
9.	PLANMalaysia@Kedah	0	0.00	0.11	(11.00)	(100.0)
10.	Jabatan Kerja Raya	1	2.70	2.70	0.00	0
BAKI PADA 31 DISEMBER		32	235.41	188.46	46.95	24.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8.4.1. Akaun Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

- a. Akaun Amanah ini telah diwujudkan pada 15 Mei 2014 di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Mengikut Arahan Amanah, sumber kewangan akaun ini adalah daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri, sumbangan daripada agensi-agensi Kerajaan, badan-badan korporat serta orang perseorangan. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah akaun ini adalah bagi Program/Projek Usahasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri serta lain-lain perbelanjaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun.
- b. Pada akhir tahun 2021, baki akaun amanah ini berjumlah RM137.58 juta, iaitu meningkat sebanyak RM72.64 juta atau 111.9% berbanding RM64.94 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki Akaun Amanah Program Khas Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH PROJEK/PROGRAM KHAS
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	64.94	68.80	(3.86)	(5.6)
Terimaan	112.79	13.91	98.88	710.9
Bayaran	40.15	17.77	22.38	125.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	137.58	64.94	72.64	111.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- c. Pada tahun 2021, terimaan akaun ini ialah berjumlah RM112.79 juta manakala jumlah perbelanjaan ialah RM40.15 juta. Terimaan dan bayaran tertinggi pada tahun 2021 antaranya adalah seperti dalam **Jadual 42** dan **Jadual 43**.

JADUAL 42
**TERIMAAN TERTINGGI AKAUN AMANAH PROJEK/PROGRAM KHAS KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2021**

BIL.	PERIHAL TERIMAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Peruntukan pengambilan balik tanah bagi pihak Kulim Technology Park Corporation (KTPC) bagi Projek Pembangunan Zon Industri Fasa 4 (IZP4A)	76.28
2.	Peruntukan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV)	20.06
3.	Peruntukan Elaun Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)	13.64
4.	Peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia bagi kerja-kerja pembaikan di Balai Seni Pekan Cina dan Muzium Diraja	0.69
5.	Peruntukan dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi promosi pelancongan	0.50
6.	Peruntukan daripada Syarikat Perumahan Negara untuk Projek Rumah Kekal Baharu (RKB) Taman Permatang Katong yang terlibat dengan bencana tsunami	0.26
JUMLAH		111.43

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

JADUAL 43
**BAYARAN TERTINGGI AKAUN AMANAH PROJEK/PROGRAM KHAS KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2021**

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran Elaun JPKK	13.65
2.	Bayaran pengambilan tanah bagi Projek Pembangunan Zon Industri Fasa 4 (IZP4A) oleh BPEN bagi pihak KTPC	13.38
3.	Perbelanjaan Program Imunisasi Kebangsaan bagi pengoperasian PPV	8.57
4.	Perbelanjaan bantuan penduduk dan perumahan	0.98
5.	Kerja-Kerja menaiktaraf dan membaik pulih Balai Seni, Pekan Cina & Muzium Diraja Negeri Kedah	0.69
6.	Perbelanjaan berkaitan promosi pelancongan oleh Kedah Tourism Sdn. Bhd.	0.53
7.	Projek Rimbunan Kaseh di sebahagian Lot 1379 Sek.10, Mukim.Bagan Samak, Bandar Baharu, (Fasa 1-Kerja Tanah, Jalan Masuk & Kolam Takungan	0.36
JUMLAH		38.16

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.4.2. Akaun Amanah Peruntukan Khas Pembangunan Negeri Kedah

- a. Akaun amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memperakaunkan sumbangan dan terimaan yang diberikan untuk akaun ini bagi membiayai apa-apa projek yang ditentukan oleh Jawatankuasa Akaun. Sumber kewangan akaun ini adalah daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri serta sumbangan daripada orang ramai, sektor swasta, persatuan, pertubuhan antarabangsa atau tempatan dan agensi-agensi yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah akaun ini adalah bagi melaksanakan projek yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Akaun, bayaran balik kepada penyumbang bagi baki sumbangan yang tidak digunakan sekiranya terma dan syarat sumbangan menyatakan sedemikian dan lain-lain perbelanjaan yang diluluskan oleh jawatankuasa.

b. Pada akhir tahun 2021, baki akaun ini berjumlah RM20.09 juta, iaitu meningkat sebanyak RM15.13 juta atau 305% berbanding RM4.96 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki Akaun Amanah Peruntukan Khas Pembangunan Negeri Kedah Darul Aman pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti **Jadual 44**.

JADUAL 44
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS PEMBANGUNAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	4.96	5.00	(0.04)	(0.8)
Terimaan	27.47	5.00	22.47	449.4
Bayaran	12.34	5.04	7.30	144.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	20.09	4.96	15.13	305.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

c. Pada tahun 2021, terimaan akaun ini ialah berjumlah RM27.47 juta manakala jumlah perbelanjaan ialah RM12.34 juta. Terimaan dan perbelanjaan tertinggi pada tahun 2021 antaranya seperti dalam **Jadual 45** dan **Jadual 46**.

JADUAL 45
**TERIMAAN TERTINGGI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS
PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2021**

BIL.	PERIHAL TERIMAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan projek-projek berskala kecil di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA)	20.00
2.	Saguhati perpindahan dan kaedah bayaran kepada pekerja Ladang Rakyat PKNK bagi tujuan pembangunan Kota Perdana Special Border Economic Zone (SBEZ) di Bukit Kayu Hitam, Kedah daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	3.07
3.	Sumbangan daripada anak-anak syarikat	3.40
JUMLAH		26.47

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

JADUAL 46
**BAYARAN TERTINGGI AKAUN AMANAH PERUNTUKAN KHAS
PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN PADA TAHUN 2021**

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pelaksanaan projek-projek berskala kecil di bawah Program PEMERKASA	10.00
2.	Bayaran saguhati perpindahan kepada pekerja Ladang Rakyat PKNK bagi tujuan Projek SBEZ Fasa 1 di Bukit Kayu Hitam, Kedah	2.04
JUMLAH		12.04

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.4.3. Akaun Amanah State Secretary Kedah (Incorporation)

- a. Akaun Amanah State Secretary Kedah (SSK) (Incorporation) ditubuhkan bagi tujuan untuk melaksanakan aktiviti, acara dan program berkaitan kemasyarakatan.
- b. Pada akhir tahun 2021, baki akaun ini ialah berjumlah RM19.07 juta, iaitu menurun sebanyak RM7.62 juta (28.6%) berbanding RM26.69 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki Akaun Amanah SSK pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH SSK
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(%)		
Baki Pada 1 Januari	26.69	30.72	(4.03)	(13.1)
Terimaan	0.02	2.63	(2.61)	(99.2)
Bayaran	7.64	6.66	0.98	14.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	19.07	26.69	(7.62)	(28.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- c. Pada tahun 2021, terimaan Akaun Amanah SSK berjumlah RM0.02 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM7.64 juta. Terimaan pada tahun 2021 menurun dengan ketara antaranya disebabkan oleh dividen saham Petronas Dagangan Berhad dan Malaysia Airport Holding Berhad yang sebelum ini diperakaunkan di bawah akaun amanah SSK telah dikreditkan ke Akaun Hasil Kerajaan negeri. Perbelanjaan tertinggi pada tahun 2021 antaranya adalah seperti dalam **Jadual 48**.

JADUAL 48
PERBELANJAAN TERTINGGI AKAUN AMANAH SSK PADA TAHUN 2021

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pemberian kepada Kerajaan negeri	1.40
2.	Bayaran pembahagian keuntungan Royalti Terkumpul Fasa 1 Tahun 2021 bagi struktur Menara Telekomunikasi di Negeri Kedah	1.22
3.	Bayaran bagi kerja-kerja membaik pulih dan lain-lain kerja berkaitan di Kediaman Rasmi YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah	0.68
4.	Pemberian sumbangan khas kepada Kerajaan Negeri Kedah bagi menangani penularan Wabak Covid-19 di Negeri Kedah bagi tahun 2021	0.60
5.	Bayaran Elaun Tetap Bulanan bagi Pengerusi Eksekutif, ahli dan Pengurus Besar SSK	0.36
6.	Bayaran Pemberian Khas Aidilfitri Tahun 2021 kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK)/Ex-Officio dan Ahli Jawatankuasa (AJK)	0.32
7.	Bayaran Pemberian Khas Bantuan Awal Persekolahan (BAP) tahun 2022	0.27
8.	Bayaran Pemberian Khas Ramadan Tahun 2021 Kepada MMK/Ex-Officio dan AJK Pengurusan Akaun SSK	0.22
9.	Bayaran bagi perkhidmatan membekal dan menghantar cenderamata sempena Aidilfitri 1442H	0.16

BIL.	PERIHAL PERBELANJAAN	JUMLAH (RM Juta)
10.	Bayaran bagi membekal, membungkus dan menghantar kurma bagi Ketua-ketua Jabatan di Negeri Kedah, Pegawai Tadbir Negeri (KCS) dan pegawai serta kakitangan Pejabat SUK sempena Ramadan 2021	0.13
11.	Bayaran gaji kakitangan SSK	0.12
12.	Bayaran Pemberian Saguhati Khas lawatan tahun 2021 kepada Pengurus, Ahli Jawatankuasa dan Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan SSK	0.12
JUMLAH		5.60

Sumber: Rekod Jabatan

8.4.4. Akaun Amanah Menteri Besar Incorporated

- a. Akaun Amanah Menteri Besar Incorporated (MBI) ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti, acara, program berkaitan kemasyarakatan dan perbelanjaan yang diluluskan oleh YAB Menteri Besar.
- b. Pada akhir tahun 2021, baki Akaun Amanah MBI berjumlah RM0.76 juta iaitu meningkat sejumlah RM0.10 juta atau 14.8% berbanding RM0.66 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki akaun amanah ini pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 49
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH MBI
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM)	2020 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
Baki Pada 1 Januari	660,908.55	137,345.25	523,563.30	381.2
Terimaan	134,008.81	2,207,276.15	(2,073,267.34)	(93.9)
Bayaran	36,000.00	1,683,712.85	(1,647,712.85)	(97.9)
BAKI PADA 31 DISEMBER	758,917.36	660,908.55	98,008.81	14.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- c. Pada tahun 2021, terimaan berjumlah RM134,008.81 manakala jumlah perbelanjaan ialah RM36,000. Terimaan Akaun Amanah MBI terdiri daripada sumbangan daripada Kumpulan Ladang-ladang Perbadanan Kedah Berhad untuk pembelian lembu sempena Hari Raya Korban tahun 2021 berjumlah RM84,000 dan sumbangan daripada Syarikat Air Darul Aman untuk meringankan beban golongan miskin seluruh negeri Kedah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19 berjumlah RM50,000. Perbelanjaan berjumlah RM36,000 pada tahun 2021 merupakan bayaran bagi bantuan rumah terbakar.

8.4.5. Akaun Amanah Baharu

- a. Pada tahun 2021, satu akaun amanah baharu ditubuhkan iaitu Akaun Amanah Pilihan Raya berkuat kuasa pada 3 Januari 2021. Akaun ini ditubuhkan bagi tujuan mengurus dan memperakaun segala terimaan dan perbelanjaan bagi hal-hal berkaitan pilihan raya umum. Akaun ini dikawal oleh Pegawai Kewangan Negeri selaku Pengawal Pengawal.
- b. Pada tahun 2021, terimaan akaun ini ialah berjumlah RM113,415 manakala jumlah perbelanjaan ialah RM105,084. Kedudukan baki Akaun Amanah Pilihan Raya pada tahun berakhir 2021 adalah seperti dalam **Jadual 50**.

JADUAL 50
KEDUDUKAN BAKI AKAUN AMANAH PILIHAN RAYA PADA AKHIR TAHUN 2021

BUTIRAN	2021 (RM)
Baki Pada 1 Januari	0.00
Terimaan	113,415.00
Bayaran	105,084.00
BAKI PADA 31 DISEMBER	8,331.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8.4.6. Peruntukan dan Perbelanjaan Akaun Amanah Berkaitan Covid-19

- a. Bagi menangani gelombang ketiga Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2021, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan sejumlah peruntukan kepada Kerajaan negeri bagi melaksanakan beberapa program antaranya Program Imunisasi Covid-19 dan pengoperasian PKRC.
- b. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri menerima peruntukan berjumlah RM24.42 juta yang terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan sumbangan daripada agensi kerajaan, anak syarikat Kerajaan negeri serta pihak swasta. Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang dibuat pada tahun 2021 berjumlah RM13.31 juta berbanding peruntukan yang diterima. Peruntukan yang diterima diperakaun dan dibelanjakan melalui lima akaun amanah awam seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH BERKAITAN COVID-19

BIL.	AKAUN AMANAH	SUMBER TERIMAAN	TERIMAAN (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	PERIHAL PERBELANJAAN
1.	Akaun Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman	Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)	20.06	8.57	Perbelanjaan bagi PPV yang dibuat melalui pejabat daerah
2.	Tabung Amanah Bantuan Bencana Negeri	Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)	3.27	3.14	Perbelanjaan bagi PKRC yang dibuat melalui pejabat daerah
3.	Akaun Amanah Dana Khas Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman	Akaun Amanah Dana Khas Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman	0.00	0.97	Perbelanjaan bagi menangani pandemik Covid-19 seperti bantuan kewangan dan makanan kepada golongan yang terkesan dengan PKP/PKPD
4.	Akaun Amanah Sumbangan Pembangunan Dan Kebajikan Negeri Kedah Darul Aman	Sumbangan Kakitangan Awam Negeri Kedah	0.15	0.63	Perbelanjaan bagi menangani pandemik Covid-19 seperti bayaran khas kepada barisan hadapan dan perkhidmatan pengujian Covid-19 (RTK-Antigen) kepada pekerja perkhidmatan perlu
		Akaun Amanah SSK	0.60		
		Agensi Kerajaan, anak syarikat Kerajaan negeri dan swasta	0.29		
5.	Akaun Amanah Menteri Besar Incorporated (MBI)	Syarikat Air Darul Aman (SADA)	0.05	0.00	Tiada perbelanjaan dibuat pada tahun semasa
JUMLAH			24.42	13.31	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021, Penyata Terimaan dan Bayaran dan Laporan Buku Amanah

8.5. Akaun Deposit

8.5.1. Akaun Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 21 Akaun Deposit yang diselenggara oleh 26 jabatan/pejabat. Baki deposit pada akhir tahun 2021 berjumlah RM434.46 juta, iaitu meningkat sebanyak RM26.85 juta atau 6.6% berbanding RM407.61 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan ketara dalam Deposit Am sebanyak RM26.75 juta kepada RM229.90 juta berbanding RM203.15 juta pada tahun 2020. Selain itu, Deposit Pelaras juga turut menyumbang peningkatan sebanyak RM0.29 juta berbanding RM2.76 juta pada tahun 2020. Peningkatan ketara Deposit Am disumbangkan oleh peningkatan Deposit Tender sebanyak RM19.58 juta. Kedudukan baki Deposit pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 52**.

JADUAL 52
KEDUDUKAN BAKI DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JENIS DEPOSIT	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	229.90	203.15	26.75	13.2
2.	Deposit Khusus	201.51	201.70	(0.19)	(0.1)
3.	Deposit Pelarasan	3.05	2.76	0.29	10.5
JUMLAH		434.46	407.61	26.85	6.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

8.5.2. Pihak Audit mendapati **baki deposit dalam Senarai Baki Individu berbeza dengan Laporan Buku Amanah sebanyak RM6.30 juta melibatkan dua Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu PPTG serta PDT Kulim**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 53**.

JADUAL 53
PERBEZAAN BAKI DEPOSIT DALAM
SENARAI BAKI INDIVIDU DENGAN LAPORAN BUKU AMANAH

BIL.	PTJ	JENIS DEPOSIT	BAKI DALAM SENARAI BAKI INDIVIDU (RM Juta)	BAKI DALAM LAPORAN BUKU AMANAH (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
1.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah	Deposit Urusan Tanah Kerajaan	2.62	8.48	(5.86)
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Kulim	Deposit Urusan Tanah Kerajaan	12.39	12.83	(0.44)
JUMLAH		15.01	21.31	(6.30)	

Sumber: Senarai Baki Individu dan Penyata Penyesuaian Deposit

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 14 Julai 2022

PPTG Negeri Kedah telah berusaha untuk mengesani perbezaan yang berlaku tetapi tidak berjaya mengenal pasti pendeposit kerana melibatkan rekod-rekod pendeposit bagi tahun 1966 hingga 1976. Bagi Pejabat Daerah dan Tanah Kulim, pelarasan telah dibuat pada 13 Julai 2022 disebabkan kesilapan merekodkan hasil sebagai terimaan deposit.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

9.1. Memorandum Aset

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan negeri kepada Agensi negeri. Pada akhir tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM194.65 juta, iaitu menurun sebanyak RM21.92 juta atau 10.1% berbanding RM216.57 juta pada tahun 2020. Baki ini terdiri daripada pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) berjumlah RM188.45 juta, Permodalan Kedah Berhad (PKB) berjumlah RM5 juta dan PKB Hotel Management & Services Sdn. Bhd. (PKB Hotel) berjumlah RM1.2 juta. Sumber pinjaman kepada PKNK diperoleh menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan manakala pinjaman kepada PKB dan PKB Hotel adalah daripada peruntukan Kerajaan negeri. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 54**.

JADUAL 54
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	AGENSI	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	188.45	211.57	(23.12)	10.9
2.	Permodalan Kedah Berhad	5.00	5.00	0.00	0
3.	PKB Hotel Management & Services Sdn. Bhd.	1.20	0.00	1.20	100.0
JUMLAH		194.65	216.57	(21.92)	10.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

Pada 31 Disember 2021, baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi ialah berjumlah RM79.53 juta, iaitu menurun sebanyak RM2.35 juta atau 2.9% berbanding RM81.88 juta pada tahun 2020. Baki tunggakan pinjaman oleh PKNK telah berkurang sebanyak RM2.97 juta kerana bayaran balik sejumlah RM25.56 juta yang dibuat pada tahun 2021. Bagaimanapun, terdapat pertambahan tunggakan

pinjaman oleh PKB sebanyak RM0.62 juta yang sepatutnya dijelaskan pada bulan Oktober hingga Disember 2021. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

JADUAL 55
KEDUDUKAN TUNGGAKAN
BAYARAN BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2021

AGENSI	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	ANUITI TAHUN SEMASA (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIJELASKAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	81.88	22.59	28.98	25.56	78.91
Permodalan Kedah Berhad	0.00	0.62	0.62	0.00	0.62
JUMLAH	81.88	23.21	29.60	25.56	79.53

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2021

9.1.2. Pelaburan

- a. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri memiliki saham dalam lima syarikat berjumlah RM26 juta, iaitu tidak berubah berbanding tahun 2020. Kedudukan pelaburan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 56**.

JADUAL 56
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	SYARIKAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	0.00	0
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	0.00	0
3.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0.00	0
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd.	20.00	20.00	0.00	0
JUMLAH		26.00	26.00	0.00	0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- b. Analisis Audit mendapati baki pelaburan Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun tidak berubah kecuali pada tahun 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.50 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 57**.

JADUAL 57
KEDUDUKAN PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2017 HINGGA TAHUN 2021

BIL.	SYARIKAT	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	1.50	1.50	1.50
3.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	0.50	0.50	1.00	1.00	1.00
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
5.	UNISHAMS Sdn. Bhd.	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
JUMLAH		25.50	25.50	26.00	26.00	26.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2017 hingga 2021

- c. Berdasarkan analisis terhadap rekod berkaitan terimaan dividen saham bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021, pihak Audit mendapati tiada dividen diterima oleh Kerajaan Negeri Kedah bagi pelaburan yang dibuat.

9.2. Memorandum Liabiliti

9.2.1. Hutang Awam

- a. Hutang Awam ialah pinjaman Kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan di negeri Kedah yang terdiri daripada Pinjaman Bekalan Air, Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK), Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Pinjaman Pelbagai.
- b. Pada akhir tahun 2021, baki Hutang Awam berjumlah RM1.924 bilion, iaitu menurun sebanyak RM738.40 juta atau 27.7% berbanding RM2.662 bilion pada tahun 2020. Penurunan ini adalah disebabkan oleh hapusnya pinjaman bagi 33 projek bekalan air luar bandar berjumlah RM701.49 juta yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2021. Selain itu, Kerajaan negeri juga telah membuat bayaran balik pinjaman pada tahun 2021 berjumlah RM45.96 juta yang terdiri daripada bayaran pokok sejumlah RM36.72 juta dan bayaran faedah sejumlah RM9.24 juta. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 58**.

JADUAL 58
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	1,133.88	1,834.83	(700.95)	(38.2)
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	225.91	247.87	(21.96)	(8.9)
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	166.46	167.92	(1.46)	(0.9)
4.	Pinjaman Pelbagai	397.40	411.43	(14.03)	(3.4)
JUMLAH		1,923.65	2,662.05	(738.40)	(27.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

- c. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2021 berjumlah RM1.076 bilion, iaitu menurun sebanyak RM260.10 juta atau 19.5% berbanding RM1.336 bilion pada tahun 2020. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 59**.

JADUAL 59
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	750.84	1,019.79	(268.95)	(26.4)
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	107.55	109.04	(1.49)	(1.4)
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	106.33	101.60	4.73	4.7
4.	Pinjaman Pelbagai	111.29	105.68	5.61	5.3
JUMLAH		1,076.01	1,336.11	(260.10)	(19.5)

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2021

- d. Analisis Audit selanjutnya mendapati **lapan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan melibatkan pinjaman PKNK dan Pinjaman Pelbagai yang sepatutnya diselesaikan antara tahun 2002 hingga 2020 masih mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM144.36 juta** seperti dalam **Jadual 60**.

JADUAL 60
BAYARAN BALIK PINJAMAN TIDAK
MENGIKUT TEMPOH YANG DITETAPKAN DALAM PERJANJIAN

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	TARIKH PERJANJIAN	PINJAMAN DIBENARKAN (RM Juta)	PINJAMAN DITERIMA (RM Juta)	TEMPOH BAYARAN BALIK YANG DITETAPKAN	JUMLAH TUNGGAKAN TERMASUK FAEDAH (RM Juta)
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH						
1.	Membiayai Projek Menanam Getah Bukit Perak	28.02.1982	16.27	16.27	11.03.1993 - 11.03.2002	6.39
2.	Membiayai Projek Pembangunan IKS Kawasan Perindustrian Kuala Ketil	16.02.1998	4.33	4.33	29.12.2000 - 29.12.2003	2.97
3.	Penjadualan Semula Pinjaman PKEN: 102C/2004/034	04.10.2004	88.60	53.59	01.06.2004 - 01.06.2018	47.71
4.	Penjadualan Semula Pinjaman PKEN: 102C/2004/035	04.10.2004	52.14	6.35	01.06.2004 - 01.06.2013	0.63
5.	Penjadualan Semula Pinjaman PKEN: 102C/2004/036	04.10.2004	88.60	17.52	01.06.2004 - 01.06.2013	6.00
6.	Penjadualan Semula Pinjaman PKEN: 102C/2007/131	09.1.2008	17.50	17.50	09.01.2011 - 09.01.2018	20.79
JUMLAH						84.49
PINJAMAN PELBAGAI						
7.	Skim Amanah Saham Kedah	23.11.1998	20.00	20.00	18.12.1999 - 18.12.2006	27.20
8.	Pinjaman Untuk Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim	11.02.2002	35.00	35.00	11.02.2006 - 11.02.2020	32.67
JUMLAH						59.87
JUMLAH KESELURUHAN						144.36

Sumber: Penyata Lengkap Akaun Memorandum Hutang Awam

Maklum Balas Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah yang Diterima pada 15 Jun 2022

Kerajaan negeri telah berusaha untuk membuat bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan, namun kekangan dari segi aliran tunai menyebabkan masih terdapat tuggakan hutang yang tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, bayaran balik pinjaman PKNK hanya dapat dibuat kepada Kerajaan Persekutuan apabila PKNK membuat bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut kepada Kerajaan negeri.

10. AKAUN BELUM TERIMA

10.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal melaporkan ABT kepada Bendahari Negeri dan salinannya dihantar kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 juga menjelaskan tentang penyelenggaraan dan pelaporan ABT. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bilangan 8 Tahun 2021 mengenai peraturan penutupan Akaun Tahun Kewangan 2021 menghendaki semua Pegawai Pengawal/Pegawai Perakaunan/Pegawai Pemungut melaporkan ABT pada 31 Disember 2021.

10.2. ABT Kerajaan negeri terdiri daripada cukai tanah, tunggakan hasil Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), tunggakan hasil air, tunggakan pinjaman pendidikan dan hasil-hasil lain. Pada akhir tahun 2021, baki ABT berjumlah RM273.60 juta, iaitu meningkat sebanyak RM16.61 juta atau 6.5% berbanding RM256.99 juta pada tahun 2020. Punca utama peningkatan ABT adalah peningkatan tunggakan hasil di Pejabat Tanah dan hasil di Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Kedudukan baki ABT pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 61**.

JADUAL 61
KEDUDUKAN BAKI AKAUN BELUM TERIMA
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT/SYARIKAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah	143.10	129.42	13.68	10.6
2.	Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)	69.60	65.86	3.74	5.7
3.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	33.74	35.32	(1.58)	(4.5)
4.	Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK)	19.67	20.03	(0.36)	(1.8)
5.	Pejabat Daerah	5.14	4.61	0.53	11.5
6.	Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed)	1.49	1.50	(0.01)	(0.7)
7.	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.00	0.11	(0.11)	(100.0)
8.	Lain-Lain Jabatan (PKPK, SUK, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pertanian)	0.86	0.14	0.72	514.3
JUMLAH		273.60	256.99	16.61	6.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2021

10.3. Tunggakan hasil pejabat tanah menunjukkan peningkatan sebanyak RM13.68 juta atau 10.6% kepada RM143.10 juta pada tahun 2021 berbanding RM129.42 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2021, sebanyak 11 pejabat tanah mencatatkan peningkatan manakala hanya satu pejabat mencatatkan penurunan tunggakan hasil cukai tanah.

Pejabat Tanah Kulim mencatatkan peningkatan tunggakan cukai tanah paling tinggi iaitu sebanyak RM7.92 juta diikuti dengan Pejabat Tanah Kota Setar dengan peningkatan sebanyak RM2.39 juta. Kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 62** manakala analisis pengumuran tunggakan cukai tanah adalah seperti **Jadual 63**.

JADUAL 62
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PEJABAT TANAH	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kuala Muda	51.24	51.11	0.13	0.3
2.	Kulim	34.90	26.98	7.92	29.3
3.	Kota Setar	16.23	13.84	2.39	17.3
4.	Kubang Pasu	16.15	15.34	0.81	5.3
5.	Pendang	6.69	6.10	0.59	9.7
6.	Baling	4.55	3.73	0.82	22.0
7.	Langkawi	3.91	2.95	0.96	32.5
8.	Sik	2.60	2.27	0.33	14.5
9.	Pokok Sena	2.53	2.07	0.46	22.2
10.	Padang Terap	2.07	2.97	(0.90)	(30.3)
11.	Yan	1.44	1.42	0.02	1.4
12.	Bandar Baharu	0.79	0.64	0.15	23.4
JUMLAH		143.10	129.42	13.68	10.6

Sumber: Laporan ABT-1

JADUAL 63
ANALISIS PENGUMURAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH

BIL.	PEJABAT TANAH	6 BULAN – 1 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 1- 3 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 3 – 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH 6 TAHUN (RM Juta)
1.	Kuala Muda	15.56	5.28	5.24	25.16
2.	Kulim	12.37	8.86	2.86	10.81
3.	Kubang Pasu	4.76	1.18	2.15	8.06
4.	Kota Setar	5.71	1.31	1.45	7.76
5.	Pendang	1.35	0.50	0.48	4.36
6.	Padang Terap	0.68	0.19	0.27	0.93
7.	Baling	1.93	0.41	0.54	1.67
8.	Sik	0.98	0.22	0.35	1.05
9.	Pokok Sena	0.80	0.15	0.56	1.02
10.	Langkawi	2.20	0.45	0.65	0.61
11.	Yan	0.53	0.18	0.24	0.49
12.	Bandar Baharu	0.35	0.08	0.08	0.28
JUMLAH		47.22	18.81	14.87	62.20

Sumber: Laporan ABT-1

10.4. Tunggakan hasil di Bahagian Perumahan SUK meningkat sebanyak RM3.74 juta atau 5.7% kepada RM69.60 juta pada tahun 2021 berbanding RM65.86 juta pada tahun 2020. Tunggakan ini terdiri daripada hasil sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Tunggakan hasil PPR dan PAKR masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.84 juta dan RM1.90 juta.

10.5. Tunggakan hasil air bagi SADA menurun sebanyak RM1.58 juta atau 4.5% kepada RM33.74 juta pada tahun 2021 berbanding sebanyak RM35.32 juta tahun 2020. Penurunan ini adalah disebabkan kelulusan hapus kira tunggakan hasil air berjumlah RM1.58 juta oleh MMK pada 4 Mac 2020 yang dibuat pelarasan pada tahun 2021.

10.6. Tunggakan Pinjaman Pendidikan menurun sebanyak RM0.36 juta atau 1.8% kepada RM19.67 juta pada tahun 2021 berbanding RM20.03 juta pada tahun 2020. Penyumbang utama penurunan ini adalah disebabkan kelulusan hapus kira tunggakan pinjaman yang berjumlah RM0.89 juta oleh MMK pada tahun 2021.

10.7. Tunggakan hasil Pejabat Daerah meningkat sebanyak RM0.53 juta atau 11.5% kepada RM5.14 juta pada tahun 2021 berbanding RM4.61 juta bagi tahun 2020. Pejabat Daerah Kota Setar mencatatkan peningkatan tunggakan hasil tertinggi iaitu sebanyak RM0.34 juta diikuti Pejabat Daerah Langkawi dengan peningkatan sebanyak RM0.12 juta.

10.8. Tunggakan hasil PMBKed merupakan hasil jualan saham Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai SAMAK Aquaculture Sdn. Bhd.) kepada SKS Realty Sdn. Bhd. berjumlah RM12 juta. Hasil tersebut sepatutnya dibayar kepada Kerajaan negeri tetapi telah dibayar kepada PMBKed pada tahun 2012. Pada 20 April 2021, PKPK telah bersetuju meluluskan permohonan bayaran ansuran kepada PMBKed. Pada akhir tahun 2021, tunggakan hasil PMBKed menurun sebanyak RM10,000 atau 0.7% kepada RM1.49 juta berbanding RM1.50 juta pada tahun 2020. Penurunan tersebut adalah disebabkan pembayaran ansuran yang dijelaskan oleh PMBKed pada tahun 2021.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2021 adalah stabil berdasarkan faktor-faktor berikut:

11.1. Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM140.50 juta atau 39.3% kepada RM497.58 juta berbanding RM357.08 juta pada tahun 2020;

11.2. pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM40 juta atau 21% kepada RM230.89 juta berbanding RM190.89 juta pada tahun 2020;

11.3. kurangan terkumpul pada akhir tahun 2021 menurun kepada RM490.02 juta berbanding kurangan RM542.70 juta pada tahun 2020 disebabkan terdapat lebihan semasa Akaun Hasil Disatukan;

11.4. baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 meningkat sebanyak RM87.82 juta atau 9.8% kepada RM987.60 juta berbanding RM899.78 juta pada tahun 2020;

11.5. baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 menurun sebanyak RM21.92 juta atau 10.1% kepada RM194.65 juta berbanding RM216.57 juta pada tahun 2020 manakala tunggakan bayaran balik pinjaman juga menurun sebanyak RM2.35 juta kepada RM79.53 juta berbanding RM81.88 juta pada tahun 2020; dan

11.6. baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2021 menurun sebanyak RM738.40 juta atau 27.7% kepada RM1.924 bilion berbanding RM2.662 bilion pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri juga menurun sebanyak RM260.10 juta kepada RM1.076 billion berbanding RM1.336 bilion pada tahun 2020.

12. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

12.1. meneroka hasil-hasil baru daripada hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan agar pendapatan Kerajaan negeri dapat dipertingkatkan dan seterusnya menambahbaik prestasi Akaun Hasil Disatukan;

12.2. mempertingkatkan usaha untuk memungut semua tunggakan hasil bagi mengurangkan ABT;

12.3. menyediakan anggaran belanjawan yang lebih realistik dengan mengambil kira semua program/aktiviti yang dirancang;

12.4. mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Kedah;

- 12.5. mengawal perbelanjaan di bawah AP 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan/perkhidmatan diterima dan tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa; dan
- 12.6. memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi supaya pengurusan kewangan Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan.

